

24/06/1998

KDN arah polis kaji tindakan

Fazli Abdullah

KUALA LUMPUR, Selasa - Kementerian Dalam Negeri (KDN) mengarahkan polis mengkaji bentuk tindakan yang boleh diambil mengikut Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 ke atas penulis, penerbit dan pencetak buku '50 Dalil Mengapa Anwar Tidak Boleh Jadi PM'.

Kajian itu perlu kerana individu yang diperkatakan dalam buku itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sudah memperolehi perintah injunksi interim daripada Mahkamah Tinggi terhadap penulis dan penerbit serta laporan polis juga sudah dibuat.

Timbalan Menteri, Datuk Tajol Rosli Ghazali, berkata perintah injunksi itu bermakna buku terbabit tidak boleh ditulis, dicetak dan diedarkan.

"Selepas laporan polis dibuat, kita mengarahkan polis mengkaji dari sudut mana tindakan boleh diambil.

"Oleh kerana Datuk Seri Anwar sudah mendapat perintah injunksi, polis akan mengkaji bentuk tindakan mengikut Akta Mesin Cetak dan Penerbitan," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang kementerian itu di sini, hari ini.

Anwar mendapat perintah injunksi itu Rabu lalu manakala laporan polis dibuat pada Jumaat lalu. Buku ditulis Khalid Jafri dan diterbitkan oleh Media Pulau Legenda itu dikatakan diedarkan dengan meluas kepada orang awam menjelang Perhimpunan Agung Umno minggu lalu.

Tajol Rosli turut mengulangi amaran supaya orang ramai tidak menyimpan buku berkenaan bagi mengelak dikenakan tindakan oleh polis.

"Saya minta orang ramai tidak memiliki buku itu sebab jika ditahan polis dan ditanya dari mana memperolehi buku berkenaan, ia akan menimbulkan masalah lebih besar," katanya.

Beliau turut menjelaskan polis tidak menyiasat terlebih dahulu buku berkenaan sebelum ini kerana perintah injunksi dan laporan polis ke atas buku itu tidak dibuat sebelum ini.

"Selepas ada perintah injunksi dan laporan dibuat, polis akan menyiasat kerana polis bukan baca semua buku," katanya.

Menurutnya, sebarang tindakan pihak berkuasa ke atas sesebuah buku akan menyebabkan publisiti lebih besar, sekali gus laris di pasaran tetapi tindakan mengawal terhad.

Mengenai tapisan ke atas buku itu oleh KDN, Tajol Rosli berkata, pihaknya tidak mampu melakukannya secara keseluruhan kerana buku terlalu banyak di pasaran.

"Ada buku yang kita tapis seperti Sunnah Muhamad vs Sunnah Mahathir Mohamad tetapi apabila saya bawa buku itu kepada Perdana Menteri, beliau tidak komen apa-apa. Jadi tiada arahan dibuat ke atas buku itu," katanya.

(END)